

董教总致函首相纳吉要求恢复林连玉公民权

呼吁恢复已故 林连玉老师公民权备忘录

马来西亚华校董事联合会总会（董总）、马来西亚华校教师会总会（教总）以及我国华社非常希望已故林连玉老师的公民权能获得恢复。

1. 已故林连玉老师于1953年至1961年之间担任马来西亚华校教师会总会（教总）的主席。林连玉老师此后却被迫停止担任教总主席，因为政府以他领导华人社会反对当时政府要把华文中学改制成以英语为主要教学媒介的英校为由，褫夺了他的公民权和吊销了他的教师准证。
2. 当时，华人社会对政府褫夺林连玉老师公民权的作法极度震惊，深感不满，因为，林连玉老师当时只是在向政府反映广大华人社会的意愿。更为重要的是，以和平的方式针对某项政策发表意见和看法是公民的基本权利。褫夺公民权的做法已经违背了民主的原则。
3. 林连玉老师在公民权被褫夺及教师准证被吊销后，以行动证明他对马来西亚的效忠。他继续留住在热爱的这片土地，一直到他在1985年底逝世为止。林连玉老师未曾做出任何反马来西亚的行动。
4. 华人社会对已故林连玉老师的不幸感到悲哀及深表同情，认为褫夺公民权的行动，是对勇于发言维护本国华校及华文教育的华社领袖的迫害。结果是，华社当中的很多人，都对华族语言和文化是否能在本国受到维护失去信心。

活动 / 专题

事件 / 专题

文献

图表与数据

编后语

编委会名单

5. 我们因此吁请尊贵的首相阁下严肃及认真地考虑恢复已故林连玉老师的公民权。虽然林连玉老师已去世多年，华人社会依然热切希望他的公民权能够获得恢复。我们深信，恢复林连玉老师的公民权符合华社的意愿，并且将在某种程度上让本国华社信服：华族的教育和文化将获得公平和合理的对待。
6. 吾等以下签署的华团领导，谨此希望最尊贵的首相阁下对恢复已故林连玉老师的公民权之诉求给予考虑。

敬希最尊贵的首相阁下慎重地考虑我们的诉求，并致以万分谢意。谢谢。

Rayuan Supaya Kerakyatan Cikgu Lim Lian Geok dipulihkan

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa persatuan kami khasnya dan masyarakat Cina di negara ini amnya sangat berharap supaya kerakyatan Cikgu Lim Lian Geok dipulihkan.

2. Mendiang Cikgu Lim Lian Geok ialah pengurus Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (GPGSCM) bagi tempoh 1953 hingga 1961. Mendiang Cikgu Lim Lian Geok terpaksa berhenti menjawat pengurus GPGSCM kerana kerakyatan beliau telah dilucutkan dan permit mengajar beliau juga ditarik balik akibat daripada memimpin masyarakat Cina membantah tindakan kerajaan masa itu untuk menukar sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah jenis kebangsaan yang bahasa pengantar utama ialah bahasa Inggeris.
3. Masyarakat Cina amat terkejut atas tindakan kerajaan melucutkan kerakyatan Cikgu Lim Lian Geok ketika itu, dan berasa tidak puas hati kerana beliau cuma mengemukakan kehendak-kehendak masyarakat Cina. Lebih penting lagi, menyuarakan pendapat dan pandangan terhadap sesuatu dasar secara aman itu adalah hak asasi bagi setiap warganegara. Tindakan melucutkan kerakyatan merupakan satu tindakan yang tidak sejajar dengan prinsip demokrasi.
4. Mendiang Cikgu Lim Lian Geok telah membuktikan taat setia beliau kepada Malaysia mahupun kerakyatan beliau dilucutkan dan permit mengajar beliau ditarik balik. Beliau tetap diam di tanah air yang dicintainya sehingga tamat riwayatnya pada 1985. Beliau tidak pernah melakukan sebarang tindakan yang boleh dikatakan anti Malaysia.
5. Masyarakat Cina bersedih dan turut bersimpati atas nasib malang Mendiang Cikgu Lim Lian Geok, kerana berpendapat bahawa tindakan melucutkan kerakyatannya adalah suatu penindasan kepada pemimpin mereka yang berani menyuarakan cita-cita mereka untuk memelihara sekolah-sekolah dan pendidikan kaum Cina di negara kita ini. Akibatnya, ramai di antara mereka telah hilang keyakinan bahawa nasib bahasa dan kebudayaan mereka akan dapat dipelihara di negara ini.

活动 / 专题

事件 / 专题

文献

图表与数据

编后语

编委会名单

6. Maka kami merayu kepada Y.A.B. Dato' Sri agar memberi pertimbangan yang serius untuk memulihkan kerakyatan Mendiang Cikgu Lim Lian Geok. Walaupun Mendiang Cikgu Lim Lian Geok telah lama meninggal, adalah menjadi hasrat masyarakat Cina supaya beliau dikembalikan status rakyat Malaysia semula. Kami percaya tindakan memulihkan kerakyatannya adalah selaras dengan hasrat masyarakat Cina dan akan sedikit sebanyak meyakinkan masyarakat Cina di negara ini bahawa pendidikan dan kebudayaan mereka akan diberi layanan yang adil dan saksama.

7. Dengan segala hormatnya, kami berharap Y.A.B. Dato' Sri akan memberi pertimbangan yang wajar kepada rayuan untuk memulihkan kerakyatan Mendiang Lim Lian Geok tersebut.

Didahului dengan ucapan ribuan terima kasih atas kesudian Y.A.B. Dato' Sri untuk menimbangkan rayuan kami. Terima kasih.